

B696

MAHATHIR - POLITIK

1982

BUKIT MERTAJAM, 12 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PEMBANGKANG YANG MENGAMALKAN +POLITIK TAKUT MENAKUT+ UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN.

KATANYA, PARA PEMIMPIN BERKENAAN SANGGUP MENGAPI-APIKAN SEMANGAT PERKAUMAN YANG SEMPIT UNTUK MEMBAKAR PERASAAN RAKYAT SUPAYA MEMBENCIKAN KERAJAAN, MESKIPUN MEREKA SENDIRI TAHU BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH BERBUAT SESUATU YANG LEBIH BAIK DARI KERAJAAN.

+OLEH ITU KITA PENTING MEMIKIRKAN MASA DEPAN KITA. APAKAH KITA HENDAK MASALAH KITA DIBERI PERHATIAN SEPENUHNYA OLEH KERAJAAN ATAUPUN KITA CUMA SERONOK MENDENGAR OORANG MENCACI HAMUN KERAJAAN,+ KATANYA BERUCAP MERASMIKAN AMPANGAN JAJAR DI PERMATANG PAUH DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MEMERLUKAN MANDAT BARU DARI RAKYAT DALAM PILIHANRAYA 22 APRIL INI UNTUK MEMBOLEHKANNYA TERUS BERUSAHA MEMBANGUNKAN NEGARA DAN MEMPERBAIKI MASA DEPAN RAKYAT.

-- BERSAMBUNG 2032/MK

MAHATHIR - POLITIK 2 BUKIT MERTAJAM

BELIAU MENEGASKAN ADALAH MENJADI TERAS PERJUANGAN KERAJAAN SEKARANG UNTUK BERKHIDMAT SEPENUHNYA KEPADA RAKYAT DAN BUKAN UNTUK MENGGUNAKAN KUASA YANG DIBERIKAN KEPADANYA UNTUK BERMEGAH-MEGAHA ATAU BERSUKA-SUKA.

+DENGAN KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA KITA, KITA MUNGKIN BOLEH BERUSAHA UNTUK MENGATASI SEMUA MASALAH, TAPI KALAU ADA ORANG YANG BERKATA BAHAWA SEKIRANYA MEREKA DIPILIH MEREKA BOLEH MENYUARAKAN MASALAH, MEREKA HANYA SEKADAR BOLEH MENYUARAKAN MASALAH SAHAJA, NAMUN MASALAH ITU TIDAK HILANG,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU MENGULANGI AZAMNYA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA MAJU YANG KEKAYAANNYA DAPAT DINIKMATI OLEH RAKYAT DARI BERBAGAI KAUM.

+SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA RAKYAT DI NEGARA INI HARUS MENDEITA, KECUALI KALAU PERMERINTAHAN YANG KITA JALANKAN MENJADI HURU-HARA,+ KATANYA. -- BERSAMBUNG 2039/MK

2701

MAHATHIR - POLITIK 3 BUKIT MERTAJAM

MENGENAI PERUSAHAAN, PERDANA MENTERI BERKATA PEMBINAAN KILANG-KILANG PERUSAHAAN YANG KERAJAAN GALAKAN BUKAN SAHAJA MENGUNTUNGAN RAKYAT DARI SEGI PENYEDIAAN PELUANG PEKERJAAN TETAPI JUGA MENAMBAHKAN PENDAPATAN NEGARA HASIL DARI CUKAI YANG DIPUNGGUT. MENURUTNYA, BAGI TIAP-TIAP SERINGGIT KEUNTUNGAN YANG DIPUNGGUT OLEH SYARIKAT-SYARIKAT PERUSAHAAN DI NEGARA INI, ANTARA 40 HINGGA 45 SEN DIPUNGGUT OLEH KERAJAAN DALAM BENTUK CUKAI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYANGKAL TUDUHAN KONONNYA KERAJAAN TERLALU BANYAK BERHUTANG DARI DALAM DAN LUAR NEGERI.

KERAJAAN BERHUTANG HANYA PADA KADAR PERLU SAHAJA UNTUK MEMBIAYAI RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA.

+KESEDIAAN INSTITUSI-INSTITUSI PINJAMAN DARI DALAM ATAU PUN LUAR NEGERI MEMBERI PINJAMAN KEPADA MALAYSIA MENUNJUKKAN BAHAWA KITA MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK MEMBAYAR DAN BOLEH DIPERCAYAI,+ TEGASNYA. -- BERNAMA 2055/MK